

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

RPW 243 Teori dan Amalan Perancangan

Masa : (3 Jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan : DUA (2) daripada Bahagian A dan DUA (2) daripada Bahagian B.

Bahagian A (Jawab DUA (2) soalan)

1. (a) Terdapat beberapa jururancang antaranya, M. Roberts, J. Colman, G. Chadwick, P. Hall, L. Keeble, J. Ratcliffe dan T. Sharp telah mendifinaskan apakah itu perancangan? Huraikan rumusan-rumusan apakah itu perancangan sebagaimana yang telah didifinaskan oleh mereka.

(15 Markah)

- (b) Huraikan kepentingan perancangan di dalam sesuatu pembangunan. Kaitkan jawapan anda dengan satu contoh yang sesuai.

(10 Markah)

2. (a) Perancangan dapat dibahagikan kepada tiga cabang (kategori) iaitu perancangan ekonomi, fizikal dan sosial. Huraikan perbezaan mereka berdasarkan ciri-ciri, objektif dan strategi masing-masing.

(10 Markah)

- (b) Salah satu komponen yang terpenting di dalam kerja-kerja merancang ialah kajian penduduk. Mengapa ia sangat penting? Apakah aspek-aspek yang harus dikaji?

(15 Markah)

...2/-

3. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan proses perancangan? Huraikan peringkat-peringkat yang terdapat di dalam proses perancangan.

(10 Markah)

- (b) Apakah yang dimaksudkan oleh istilah-istilah di bawah:

- (i) Perancangan Komprehensif
- (ii) Teori Pusat Setempat
- (iii) Penyertaan awam
- (iv) Pelan struktur
- (v) Kemudahan awam

(15 Markah)

Bahagian B (Jawab DUA (2) soalan)

4. Perundangan Perancangan Bandar telah digubalkan di Malaysia pada tahun 1923 melalui Enakmen Perancangan Bandar 1923. Sistem perancangan bandar yang diperkenalkan di dalam Enakmen tersebut sehingga kini masih diamali di banyak tempat di Malaysia.

- (a) Bincangkan sistem perancangan bandar yang diamali di bawah Enakmen Perancangan Bandar 1923 (yang kemudian diserapkan di bawah Bahagian IX Enakmen Lembaga Bandaran Bab 137/1930)

(15 Markah)

- (b) Apakah kelebihan dan kelemahan di antara sistem (a) di atas dengan sistem perancangan bandar yang diperkenalkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

(10 Markah)

... 3/-

5. (a) Pihak Berkuasa Tempatan ditetapkan sebagai Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan di Bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Apakah fungsi kedua-dua pihak berkuasa ini? Apakah kelebihan daripada menetapkan pihak berkuasa tempatan sebagai pihak berkuasa perancangan tempatan?

(10 Markah)

- (b) Huraikan tiga peringkat organisasi agensi perancangan bandar di Semenanjung Malaysia. Apakah fungsi masing-masing? Adakah terdapat pertindihan di antara peranan mereka?

(15 Markah)

6. (a) Huraikan secara ringkas proses penyediaan Rancangan-Rancangan 5-tahun di Malaysia.

(10 Markah)

- (b) Apakah peranan dan sumbangan perancangan bandar di dalam proses (a) di atas?

( 5 Markah)

- (c) Bincangkan proses permohonan kebenaran merancang di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Adakah terdapat kekurangan di dalam Akta 1976 tersebut berkenaan dengan kawalan perancangan jika dibandingkan dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1971 (United Kingdom)?

(10 Markah)

-000000000-